

PANDUAN KEPADA PENYEBUTHARGA
UNTUK PEROLEHAN BEKALAN / PERKHIDMATAN
(tidak perlu dilampirkan semasa tawaran)

1. PANGGILAN SEBUT HARGA KERAJAAN DIBUAT UNTUK CADANGAN PEROLEHAN YANG DI-ANGGARKAN BERNILAI DI ANTARA RM 20,000 SEHINGGA RM 250,000 SAHAJA.
2. LAMPIRAN Q ADALAH TEMPLAT 'SEBUT HARGA UNTUK BEKALAN / PERKHIDMATAN' YANG DISEDIAKAN OLEH KERAJAAN UNTUK DIISI OLEH PEMBEKAL BAGI MEMBUAT TAWARAN. JIKA PEMBEKAL MELAMPIRKAN SEBUT HARGA SYARIKAT (MESTI DENGAN LOGO SYARIKAT), DAN TERDAPAT PERBEZAAN BUTIRAN YANG DITAWARKAN, KERAJAAN AKAN MENGAMBIL MAKLUMAT LAMPIRAN Q SEBAGAI TAWARAN RASMI PEMBEKAL.
3. PEMBEKAL PERLU MEMBACA SYARAT – SYARAT TAMBAHAN YANG DILAMPIRKAN BERSAMA LAMPIRAN Q BAGI MEMASTIKAN SEMUA SYARAT DIPENUHI
4. SENARAI SEMAKAN (BEKALAN/PERKHIDMATAN/KERJA) PERLU MENJADI MUKASURAT PERTAMA DALAM TAWARAN SEBUT HARGA YANG DIHANTAR.
5. BERIKUT ADALAH ARAHAN KERAJAAN KEPADA PENYEBUTHARGA BERDASARKAN SURAT PEKELILING KEWANGAN BIL 18 2009 (LAMPIRAN A1) YANG DIKEMASKINI:

5.1. HAK KERAJAAN UNTUK MENERIMA / MENOLAK SEBUT HARGA

Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima sebut harga terenda atau mana – mana sebut harga atau memberi apa – apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga. Keputusan Jawatankuasa Sebut harga adalah muktamad.

5.2. CARA – CARA MELENGKAPKAN DOKUMEN SEBUT HARGA

(a). Penyediaan Sebut harga

Kontraktor adalah dikehendaki mengisi dengan dakwat segala maklumat berikut dengan sepenuhnya :

- i. Harga dan tandatangan Kontraktor di Ringkasan Sebut harga,
- ii. Harga, tempoh dan tandatangan dalam Borang Sebut harga,
- iii. Butir – butir Spesifikasi

Jika berlaku kesilapan di dalam mengisi maklumat – maklumat di atas Kontraktor hendaklah menandatangani ringkas semua pembetulan.

(b). Penyerahan Dokumen Sebut harga

- i. Dokumen Sebut harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang dicatatkan dengan bilangan sebut harga JKPN/(TAHUN)/(BIL) serta tajuk sebut harga dan hendakla dimasukkan ke dalam peti sebut harga pada masa dan tempat yang ditetapkan dalam Notis Sebut harga.
- ii. Jika Dokumen Sebut harga tidak diserahkan dengan tangan, Penyebutharga hendaklah menghantar Dokumen tersebut dengan pos supaya tiba pada masa atau sebelum masa dan di tempat yang ditetapkan.

- iii. Sebut harga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, berbangkit dari sebarang sebab, tidak akan dipertimbangkan.

(c). Penjelasan Lanjut

Sekiranya terdapat maklumat dalam Dokumen Sebut harga yang tidak jelas atau bercanggah, Kontraktor boleh menghubungi Pegawai Inden untuk penjelasan lanjut.

5.3. PERBELANJAAN PENYEDIAAN SEBUT HARGA

Semua perbelanjaan bagi penyediaan sebut harga ini hendaklah ditanggung oleh Penyebutharga sendiri.

5.4. TEMPOH SAH SEBUT HARGA

Sebut harga ini sah selama sembilan puluh (90) hari dari tarikh tutup sebut harga. Penyebut harga tidak boleh menarik balik sebut harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga. Tindakan tatatertib akan diambil sekiranya penyebut harga menarik balik sebut harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga.

**SENARAI SEMAKAN
(BEKALAN/PERKHIDMATAN/KERJA)**

Tajuk : PERKHIDMATAN SEWA GUNA KOMPUTER RIBA UNTUK MAKMAL KOMPUTER JABATAN PERKHIDMATAN KOMPUTER NEGERI SABAH
No. Sebutharga : JPKN/2021/64

Sila tandakan bagi dokumen yang disertakan :

Bil	Perkara / Dokumen	Untuk ditanda oleh Syarikat	Untuk ditanda oleh JK Pembuka Sebutharga
1	Salinan Sijil PUKONSA (Pusat Pendaftaran Kontraktor – kontraktor Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan Negeri Sabah) yang sah tempoh.		
2	Salinan Sijil Perniagaan yang sah tempoh.		
3	WAJIB Sebut harga dari syarikat menggunakan KEPALA SURAT (letter head) syarikat dan menyatakan tawaran spesifikasi terperinci.		
4	Salinan Sijil Pengiktarafan Perniagaan Anak Negeri yang sah tempoh. <ul style="list-style-type: none"> - WAJIB untuk nilai tawaran sebutharga kurang dari RM 100,000.00 - DIGALAKKAN untuk nilai tawaran sebutharga lebih dari RM 100,000.00 		
5	Lampiran Q telah diisi lengkap (termasuk nilai tawaran dan tempoh siap) dan ditandatangani		
6	Pematuhan Kepada Appendix A, diisi lengkap dan ditandatangani		
7	Spesifikasi teknikal untuk setiap item dilampirkan		
8	Lampiran F yang telah diisi lengkap dan ditandatangani		
9	Profil Syarikat dilampirkan (Jika berkenaan)		
10	Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank bagi Tiga (3) Bulan Terakhir (Jika berkenaan)		
11	Lain – lain sekiranya ada dan jika dinyatakan di dalam panggilan sebagai keperluan sebut harga.		
<p>PENGESAHAN OLEH SYARIKAT</p> <p>Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat - syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebutharga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.</p> <p>Tandatangan :</p> <p>Nama :</p> <p>Jawatan :</p> <p>Tarikh :</p>		<p>UNTUK KEGUNAAN JABATAN</p> <p>Jawatankuasa Pembuka Sebutharga mengesahkan penerimaan bertanda kecuali bagi perkara bil..... (jika ada)</p> <p>Tandatangan :</p> <p>Nama :</p> <p>Jawatan :</p> <p>Tarikh :</p>	



JABATAN PERKHIDMATAN KOMPUTER NEGERI

NOTIS SEBUT HARGA NO. SEBUT HARGA: JPKN-2021-64

1. Sebut harga adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang mempunyai Lesen Berniaga yang sah dan berdaftar dengan Pusat Pendaftaran Kontraktor Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan Negeri Sabah (PUKONSA) di bawah KEPALA 21 SUB KEPALA 0100 - 0106 untuk mendapatkan Sebut harga seperti berikut:-

PERKHIDMATAN SEWA GUNA KOMPUTER RIBA UNTUK MAKMAL KOMPUTER JABATAN PERKHIDMATAN KOMPUTER NEGERI SABAH

2. Dokumen Sebut harga boleh dimuat turun daripada laman web Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri di alamat <http://www.jpkn.sabah.gov.my> DAN daripada **Sistem Sebut Harga Elektronik** <https://sebut.harga.sabah.gov.my/>.
3. Syarikat-syarikat yang ingin menyertai sebut harga perlu :
 - a. **membuat bayaran**
 - i. **melalui kaunter**
 1. mendapatkan Borang Bayaran Sebut Harga di Unit Akaun, Bahagian Pentadbiran dan Pengurusan, Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri, Tingkat 7, Blok A, Pusat Pentadbiran Negeri Sabah, 88400 Kota Kinabalu.
 2. membuat bayaran RM5.00 di Kaunter Pembayaran, Jabatan Bendahari Negeri, Tingkat 9, Blok A, Pusat Pentadbiran Negeri Sabah, 88400 Kota Kinabalu

ATAU;

- ii. **secara atas talian (on-line)**
 1. membuat bayaran RM5.00 ke akaun **Jabatan Bendahari Negeri: 101960010025301 (Alliance Bank Malaysia Berhad)**
 2. sila catatkan dalam transaksi atas talian: **126-73105 JPKN-2021-64 (NAMA SYARIKAT)**
- b. emelkan salinan resit bayaran atau salinan resit transaksi atas talian kepada **brp@jpkn.sabah.gov.my**, **CC: Rozitah.MohdRah@sabah.gov.my** untuk mendapatkan **akses ke** Sistem Sebut Harga Elektronik <https://sebut.harga.sabah.gov.my/>.

4. Penyerahan dokumen sebut harga:
 - a. **Memuatnaik salinan softcopy** dokumen sebut harga yang lengkap ke dalam Sistem Sebut Harga Elektronik

DAN;

- b. **memasukkan tawaran sebut harga ke dalam peti sebut harga** yang disediakan di Ruang Menunggu, Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri, Tingkat 7, Blok A, Pusat Pentadbiran Negeri Sabah, Jalan UMS, Teluk Likas, 88400 Kota Kinabalu.

5. Tarikh Tutup: **13 OGOS 2021, 10:00 PAGI**
6. Kerajaan Negeri tidak akan terikat menerima tawaran sebut harga terendah atau memberi apa-apa sebab sesuatu tawaran itu ditolak. Semua borang sebut harga serta dokumen sokongannya tidak akan dikembalikan.
7. Sebarang ketetapan di atas yang tidak dipatuhi akan secara automatik sebut harga akan ditolak.

Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri
Tingkat 6 & 7, Blok A, Pusat Pentadbiran Negeri Sabah,
Jalan UMS, Teluk Likas, 88400 Kota Kinabalu

**ARAHAN PERBENDAHARAAN 170
(LAMPIRAN Q)**

Bila menjawab, sila nyatakan nombor ini

No. Sebutharga **JPKN/2021/64**

(Kew 284-Pin 5/94)

**KERAJAAN MALAYSIA NEGERI SABAH
SEBUTHARGA UNTUK BEKALAN/PERKHIDMATAN**

Dokumen ini hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca dan ditaksirkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian Sebutharga.

Kepada (Nama Syarikat):

.....

No. Telefon:

No. Pendaftaran dengan PUKONSA
.....

Kod bidang pendaftaran yang relevan dengan pembelian ini
.....

Pelawaan sebutharga dikeluarkan oleh
Kementerian/Jabatan (Alamat Lengkap):-
**Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri
Tingkat 6 & 7, Blok A,
Pusat Pentadbiran Negeri Sabah
Jalan UMS, Teluk Likas
88400 Kota Kinabalu**

No. Telefon : **088-368900**
Tarikh : **5 Ogos 2021**

1. Sila beri sebutharga bagi bekalan/perkhidmatan yang disenaraikan di bawah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan.
 - 1.1 Syarat penyerahan/penyempurnaan
Seperti di Appendix "A"
 - 1.2 Tarikh penyerahan/penyempurnaan dikehendaki
Tidak melebihi 8 minggu selepas LPO dikeluarkan
 - 1.3 Arahan pengiriman

1.	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri, Tingkat 7, Blok A, Pusat Pentadbiran Negeri Sabah, Jalan UMS, Teluk Likas, 88400 Kota Kinabalu .
2.	Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri Cawangan Tawau, Beg Berkunci No 33, Tingkat 4, Bangunan MPT 91009 Tawau
3.	Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri Cawangan Sandakan, Kompleks Ibu Pejabat Perhutanan, KM10, Jalan Labuk, 90000, Sandakan, Sabah
4.	Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri Cawangan Beaufort, Tingkat 1, Bangunan Urusetia Daerah Beaufort, 89607 Beaufort, Sabah
5.	Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri Cawangan Kota Marudu, Tingkat Bawah Bangunan Urusetia, Pejabat Daerah Kota Marudu, Peti Surat 128, 89108 Kota Marudu, Sabah

- 1.4 Sebutharga hendaklah dimasukkan ke dalam suatu sampul berlakri dan bertanda nombor sebutharga **JPKN/2021/64**
- 1.5 Sebutharga hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang berkenaan di alamat di atas tidak lewat pada jam 10.00 pagi **13 Ogos 2021**
- 1.6 Tempoh sah laku sebutharga hendaklah **90 hari** hari selepas tarikh tutup.

Tarikh : **5 Ogos 2021**

Tandatangan :



Nama Pegawai : **ROZITAH BINTI MOHD RAH**
Jawatan : **Pegawai Teknologi Maklumat**

Bil	Perihal bekalan/perkhidmatan dan Syarat-syarat Khas	Unit Ukuran	Kuantiti/ Kekerapan	Kadar (RM)	Harga (RM)
	<i>Untuk diisi oleh Kementerian/Jabatan</i>			<i>Untuk diisi oleh Penyebut Harga</i>	
	3. Komputer Riba SILA RUJUK APPENDIX 'A' Tarikh penyerahan/penyempurnaan ditawarkan *Sila sertakan sesalinan Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan(PUKONSA).	Unit	91		
				Jumlah	

- (i) Harga yang ditawarkan adalah harga bersih, dan
- (ii) Tarikh penyerahan/penyempurnaan ialah **tidak melebihi 8 minggu**

Saya/Kami dengan ini menawar untuk membekalkan bekalan/perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat-syarat yang dinyatakan di atas tertakluk kepada syarat-syarat di atas dan di belakang ini.

Tandatangan Penyebut Harga :

Nama dan K/P :

Alamat Syarikat :

.....

Tarikh :

.....

MUSTAHAK - LIHAT SYARAT-SYARAT AM DI BELAKANG

SYARAT-SYARAT AM

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebut harga.

1. Keadaan Barang

Semua barang yang dibekalkan hendaklah tulen, baru dan belum digunakan.

2. Harga

Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan.

3. Sebutharga Sebahagian

Sebutharga boleh ditawarkan bagi semua bilangan item atau sebahagian bilangan item.

4. Barang Setara

Sebutharga boleh ditawarkan bagi barang setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi.

5. Persetujuan

- i. Kerajaan tidak terikat untuk setuju terima sebutharga yang terendah atau mana-mana sebutharga, dan
- ii. Setiap butiran akan ditimbang sebagai satu sebutharga yang berasingan.

6. Pemeriksaan

- i. Kerajaan sentiasa berhak melantik seseorang pegawai untuk memeriksa dan menguji bekalan itu semasa tempoh pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan bekalan tersebut, dan
- ii. Penyebut harga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

7. Perakuan Menyatakan Spesifikasi telah Dipatuhi

Penyebut harga dikehendaki memperakui bahawa bekalan/perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut spesifikasi atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

8. Penolakan

- i. Barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada bekalan yang telah dipersetujui sebutharganya boleh ditolak,
- ii. Apabila diminta, penyebut harga hendaklah menyebabkan barang yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada Kerajaan segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai bekalan yang ditolak itu, dan
- iii. Fasal-kecil (i) dan (ii) di atas ini, tidaklah memudaratkan apa-apa hak Kerajaan untuk mendapatkan ganti rugi kerana kegagalan memenuhi obligasi kontrak.

9. Pengiklanan

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebutharga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah, atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

10. Tafsiran

Sebutharga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan penyebut harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebutharga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

11. Insurans

Tiada apa-apa insurans atas barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebutharga.

BARANG-BARANG EX STOK ATAU BARANG-BARANG KELUARAN MALAYSIA

12. Cukai

Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk cukai jika berkenaan.

13. Pembungkusan

- i. Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan, dan
- ii. Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau yang cacat, hendaklah diganti oleh penjual.

14. Pengenalan

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri tempat asal barang itu, jika berkenaan, hendaklah ditunjukkan.

BARANG DIPESAN DARI LUAR MALAYSIA

15. Cukai

Harga tawaran hendaklah diertikan sebagai termasuk semua cukai dan unsur-unsur cukai adalah dikehendaki ditunjukkan berasingan.

16. Mata Wang

Sebutharga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

17. Pembungkusan

- i. Barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk diekspot ke Malaysia melainkan jika mengikut norma perdagangan bekalan itu diekspot dengan tidak dibungkus,
- ii. Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan, dan
- iii. Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah diganti oleh penyebut harga.

**PERKHIDMATAN SEWA GUNA KOMPUTER RIBA UNTUK MAKMAL KOMPUTER
JABATAN PERKHIDMATAN KOMPUTER NEGERI SABAH (JPKN/2021/64)
TARIKH TUTUP: 13 OGOS 2021, JAM 10.00 Pagi**

Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri berhasrat untuk menyewa guna Sembilan Puluh Satu (91) unit komputer riba untuk tempoh tiga (3) tahun yang akan digunakan di makmal-makmal komputer Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri Sabah. Komputer riba tersebut perlu dibekalkan, dipasang, diuji lari di makmal-makmal JPKN. Pentauliahahan bagi Komputer riba tersebut haruslah diberikan kepada kakitangan agensi Kerajaan Negeri Sabah tersebut dalam bentuk seperti berikut:-

1. Label Komputer Riba yang terdiri daripada:
 - a) Nama
 - b) Alamat IP
 - c) Spesifikasi komputer riba
 - d) Alamat dan No.telefon Pembekal bagi bantuan teknikal.
 - e) Label tersebut perlu dilekatkan di atas badan Komputer Riba
 - f) Kesemua Komputer Riba perlu disusun dengan kemas di atas meja kakitangan yang menerima.
2. **TIADA** penyelenggaraan diperlukan.
 - a) Sekiranya berlaku kerosakan. Kerosakan perlu dibaiki dalam tempoh 24 jam kerosakkan dilaporkan.
 - b) Sekiranya kerosakan tidak dapat diselesaikan, adalah menjadi tanggungjawab pembekal untuk menggantikan Komputer Riba yang rosak.

No	Item	Kuantiti	Ya/Tidak
1	KOMPUTER RIBA	91	
	At least 11th Generation Intel® Core™ i5-1135G7 Processor or approved equivalent		
	At least Windows 10 Pro (64bit) English		
	At least Intel® Iris® Xe Graphics with shared graphics memory		
	At least 35.6 cm (14") HD (1366 x 768) 16:9 IPS-Pro		
	At least 8GB, 8Gx1, DDR4, 2666Mhz SDRAM		
	At least 512GB M.2 PCIe NVMe SSD		
	Standard Wireless Optical Mouse and mouse pad		
	Must include bag		
	At least 3 years Malaysia warranty		
	Come with Operating System: Genuine Windows 10 Professional (64 bit)		
	Suggested Brand and Model:		
	Rental Price Per Unit (RM):		
	Monthly Rental Price (RM):		
	A Year Rental Price (RM):		

	3 Years Rental Price (RM):	
	Sijil PUKONSA (No. Sijil / Tempoh Sah)	
	Lesen Berniaga yang sah (No.Lesen /Tempoh Sah)	
	Sijil Pengiktirafan Perniagaan Anak Negeri - Jika ada - (No. Sijil/Tempoh Sah)	
	Delivery Period : (Mesti dinyatakan, kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan penyertaan dibatalkan serta-merta)	_____
		(hari /minggu)

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi: (Puan Theresa 088-368983 atau Puan Rozitah 088-368886)

Syarat-syarat tambahan (Mesti dipatuhi): Kegagalan berbuat demikian boleh mengakibatkan kelayakan penyertaan dibatalkan.

- Spesifikasi teknikal yang lengkap** bagi setiap item hendaklah dinyatakan secara jelas pada borang yang disediakan. Lampiran tambahan yang menyokong kepada pernyataan spesifikasi teknikal tersebut hendaklah disertakan.
- Pembekal hanya dibenarkan mengemukakan **satu (1) tawaran sebut harga sahaja. Tawaran alternatif adalah tidak dibenarkan.**
- Ruang 'Ya/Tidak' untuk semua cadangan peralatan/item MESTI diisi dengan lengkap dan jelas.**
- Semua item mestilah produk yang asli, **manufacture warranty** tidak terjejas dan bebas daripada kecacatan perkilangan (manufacturing defects).
- Pembekal hendaklah menyatakan dengan jelas tempoh jaminan bagi setiap item yang dicadangkan.
- Salinan sijil PUKONSA dan Lesen Berniaga mesti disertakan bersama dengan cadangan sebut harga.
- Pembekal (baharu atau ada perubahan maklumat) hendaklah mengemukakan Profail Syarikat (*Company Profile*) bersama dengan **cadangan sebut harga.**
- Pembekal hendaklah menyatakan dengan jelas **tempoh penghantaran item.**
- Setiap Pembekal **MESTI** menggunakan borang sebut harga yang **ASAL** dan penggunaan borang sebut harga yang dijana semula adalah dilarang.
- Item hendaklah dihantar ke:

1.	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri, Tingkat 7, Blok A, Pusat Pentadbiran Negeri Sabah, Jalan UMS, Teluk Likas, 88400 Kota Kinabalu.	31 Unit
2.	Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri Cawangan Tawau, Beg Berkunci No 33, Tingkat 4, Bangunan MPT 91009 Tawau.	25 Unit
3.	Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri Cawangan Sandakan, Kompleks Ibu Pejabat Perhutanan, KM10, Jalan Labuk, 90000 Sandakan.	15 Unit
4.	Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri Cawangan Beaufort, Tingkat 1, Bangunan Urusetia Daerah Beaufort, 89607 Beaufort.	10 Unit
5.	Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri Cawangan Kota Marudu,	10 Unit

	Tingkat Bawah Bangunan Urusetia, Pejabat Daerah Kota Marudu, Peti Surat 128, 89108 Kota Marudu, Sabah	
--	--	--

11. Tempoh penghantaran bermula daripada tarikh pesanan kerajaan dikeluarkan.

Tandatangan dan Cop pembekal : _____

Tarikh : _____

Nama dan alamat Pembekal : _____

**SURAT AKUAN PEMBIDA
PERKHIDMATAN SEWA GUNA KOMPUTER RIBA UNTUK MAKMAL KOMPUTER
JABATAN PERKHIDMATAN KOMPUTER NEGERI SABAH
JPKN/2021/64**

.....

Saya,.....nombor K.P.....yang
(Nama Wakil Syarikat)

mewakilinombor Pendaftaran.....
(Nama Syarikat) (MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB)

dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri** atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga* seperti di atas. Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati cuba menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri** atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga* seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan – tindakan berikut diambil:

- 2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/sebut harga* di atas; atau
- 2.2 Penamatan kontrak bagi tender/sebut harga* di atas; dan
- 2.3 Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan yang berkuatkuasa.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana – mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender / sebut harga* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....
Nama :
No. Kad Pengenalan:
Cop Syarikat :

Catatan:

- i) * Potong mana yang tidak berkenaan.
- ii) Surat akuan ini hendaklah dikemukakan bersama Surat Perwakilan Kuasa